

## PENGEMASKINIAN TERMA DAN SYARAT

### TERMA DAN SYARAT BAGI BSN TERM DEPOSIT ISLAMIK

KLAUSA	SEDIA ADA	DIKEMAS KINI
1. DEFINISI DAN TAFSIRAN	(f) "Harga Jualan" bermakna bayaran oleh pihak Bank dalam transaksi Murabahah Komoditi untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan yang mana jumlahnya bersamaan dengan Harga Belian ditambah dengan margin keuntungan.	(f) "Harga Jualan" bermakna bayaran oleh pihak Bank dalam transaksi Tawarruq untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan yang mana jumlahnya bersamaan dengan Harga Belian ditambah dengan margin keuntungan.
	(i) "Komoditi" bermakna barang atau aset pendasar yang dibenarkan oleh Syariah.	(i) "Komoditi" bermakna barang atau aset pendasar yang dibenarkan oleh Syariah. Komoditi yang digunakan untuk transaksi Tawarruq di BSN adalah Plastic Resin dan Crude Palm Oil atau lain-lain jenis komoditi yang ditentukan oleh BSN dari semasa ke semasa.
	N/A	(j) "Laman Web Bank" merujuk kepada laman web rasmi Bank iaitu <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a> .
	(k) "Notis yang Memadai" bermaksud notis dua puluh satu (21) hari kalendar dari Tarikh kuatkuasa.	(l) "Notis Mencukupi" bermaksud notis dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh kuatkuasa.
	N/A	(q) "Tawarruq" terdiri daripada dua kontrak jual beli di mana kontrak pertama melibatkan penjualan aset kepada pembeli secara bayaran tertangguh. Kemudian, pembeli dalam urusan Jualan pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dengan serta-merta. Dalam produk ini, Bank sebagai ejen Pelanggan akan membeli Komoditi pada Harga Belian daripada pembekal dan Bank sebagai ejen Pelanggan kemudian, menjual Komoditi kepada pihak Bank pada Harga Jualan secara Murabahah yang mana hendaklah dibayar kepada Pelanggan pada Tarikh Matang (selepas mengambil kira sebarang rebat, jika ada). Pihak Bank kemudiannya menjual Komoditi tersebut kepada pihak ketiga secara tunai.
7. TRANSAKSI PERDAGANGAN TAWARRUQ	N/A	7.6 Harga Jualan dikira seperti berikut:  <b>Harga Jualan = Jumlah Peletakan (RM) + Jumlah Keuntungan (RM)</b>

	N/A	<p>7.7 Keuntungan akan dikira berdasarkan formula berikut:</p> <p><b>Keuntungan = Jumlah Peletakan Deposit (RM) x Kadar Keuntungan (%) x Bilangan Hari Peletakan Deposit / 365 @ 366</b></p>
<b>8. PENEBUSAN</b>	N/A	<p>9.2 Penebusan boleh dibuat di mana-mana cawangan Bank atau mana-mana saluran lain yang disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa.</p>
<b>13. HAK UNTUK MENDEBIT AKAUN DAN PELARASAN</b>	<p>12.1 Pelanggan dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk membuat pendebitan akaun ke atas sebarang amaun berkaitan yang telah tersilap bayar atau terkredit ke dalam akaun dan/atau oleh sebab mana-mana keralatan operasi Bank dan/atau sistem dan/atau apa-apa sebab lain yang di luar kawalan munasabah Bank dengan memberikan notis yang memadai kepada Pelanggan sebelum sebarang pelarasian dilakukan.</p>	<p>12.1 Pelanggan dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk membuat pendebitan akaun ke atas sebarang amaun berkaitan yang telah tersilap bayar atau terkredit ke dalam akaun dan/atau oleh sebab mana-mana keralatan operasi Bank dan/atau sistem dan/atau apa-apa sebab lain yang di luar kawalan munasabah Bank dengan memberikan notis yang munasabah kepada Pelanggan sebelum sebarang pelarasian dilakukan.</p>
<b>23. PERUBAHAN TERMA DAN SYARAT</b>	N/A	<p>23.3 Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan atau percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan mana-mana dokumen lain yang berkaitan dengan produk, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.</p>